

JUDUL : Berita Harian

TARIKH : 5 November 2022

SITASI :

M/S : 13

“Norkamarizal Kamarudin” Perpustakaan berperanan bantu perkasa komuniti,  
Berita Harian 5 November 2022, m.s 13



## Perpustakaan berperanan bantu perkasa komuniti

Norkamarizal  
Kamarudin,  
Universiti  
Pertahanan  
Nasional  
Malaysia

**Perpustakaan** adalah tempat terbaik memperkasakan komuniti dengan maklumat. Berdasarkan laporan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) 2019, ketika ini ada sebanyak 3,002 perpustakaan di seluruh negara.

Daripada jumlah itu terdapat satu Perpustakaan Negara, lima perpustakaan komuniti, 340 perpustakaan awam negeri, 1,099 perpustakaan desa, 1,100 perpustakaan khusus dan 457 perpustakaan akademik.

Meskipun perpustakaan selalu dirujuk sebagai ‘pusat buku’, namun dalam keadaan semasa ia juga menjadi pusat memahirkan komuniti dengan literasi maklumat. Di luar sana terdapat lambakan maklumat disebarkan tanpa diketahui status kesahihannya.

Justeru, pustakawan berperanan dalam menggunakan segala kemahiran maklumat yang ada untuk membantu komuniti sekeliling menilai kesahihannya.

Pada masa sama, pustakawan perlulah mempunyai kemahiran untuk mendapatkan maklumat daripada sumber berautoriti.

Hal ini menjelaskan pustakawan adalah aset, namun fasiliti yang tersedia di perpustakaan komuniti seharusnya dimanfaatkan oleh penduduk setempat. Bukan sekadar untuk mendapatkan baca-

an ilmiah, perpustakaan juga harus menyediakan kemudahan terkini berkaitan maklumat misalnya kemudahan komputer dan teknologi maklumat.


Justeru, penting untuk perpustakaan menyediakan sudut teknologi maklumat bagi membantu komuniti setempat. Namun, ia juga harus dipertingkatkan dengan talian internet yang stabil.

Hal ini kerana ia nadi kepada perkhidmatan sedemikian. Bukan hanya untuk melayari internet untuk memperoleh informasi, tetapi ia juga boleh digunakan untuk aktiviti pembelajaran dan juga membantu masyarakat mencari pekerjaan.

### Pusat ilmiah, kebudayaan

Sebenarnya, perpustakaan juga berperanan sebagai pusat ilmiah dan kebudayaan. Di situ, boleh juga diadakan kursus dan program latihan bagi menambah kualiti dan kemahiran individu. Misalnya, latihan pembinaan perisian atau memperbaiki alatan elektronik. Ia juga boleh menjadi pusat maklumat bagi menyebarkan maklumat sahih berkaitan pelaburan dan simpanan misalnya. Hal begini pasti sahaja penting disebabkan semakin ramai orang awam, terutama warga emas menjadi mangsa aktiviti begini.

Kesimpulannya, peranan perpustakaan komuniti amat penting bagi memperkasakan komuniti yang lebih berkualiti, manakala pustakawan mahir adalah aset paling penting.



Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)